



# **CONFERENCE PROCEEDING**

## **ICITSBE 2012**

**1<sup>ST</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON INNOVATION  
AND TECHNOLOGY FOR  
SUSTAINABLE BUILT ENVIRONMENT**

**16 -17 April 2012**



Organized by:

Office of Research and Industrial  
Community And Alumni Networking  
Universiti Teknologi MARA (Perak) Malaysia  
[www.perak.uitm.edu.my](http://www.perak.uitm.edu.my)

PAPER CODE: HC 11

## PRODUK PELANCONGAN JEJAK WARISAN BANDAR ALOR SETAR, KEDAH DARULAMAN: ISU DAN CABARAN

**Nur Hanim Binti Ilias<sup>1</sup> dan Azran Bin Mansor<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Jabatan Senibina Lanskap, FSPU, UiTM Perak, Malaysia, nurha048@perak.uitm.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Senibina Lanskap, FSPU, UiTM Perak, Malaysia, azran973@perak.uitm.edu.my

### Abstrak

*Pelancongan warisan di Malaysia semakin mendapat tempat dan permintaan daripada pelancong. 'Heritage Trail' atau Jejak Warisan merupakan satu produk pelancongan yang bertanggung jawab untuk memberikan informasi mengenai nilai warisan sesuatu tempat dan secara tidak langsung memperkenalkan keunikan tempat tersebut. Penyelidikan yang dijalankan di Bandar Alor Setar yang telah berusia 275 tahun ini adalah untuk mengkaji isu dan cabaran program Jejak Warisan Bandar Alor Setar sebagai produk pelancongan di negeri Kedah Darulaman. Gabungan kaedah kualitatif serta kuantitatif telah dilakukan di dalam penyelidikan ini. Kaedah kualitatif dilaksanakan secara etnografi iaitu melalui temubual serta pemerhatian dan pengamatan untuk menilai kualiti pelaksanaan program tersebut. Kaedah kuantitatif pula dilakukan dengan menjalankan soal selidik di kalangan pelancong dan pengunjung untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap program Jejak Warisan Bandar Alor Setar sebagai produk pelancongan. Penemuan penyelidikan menunjukkan bahawa, terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh program Jejak Warisan Bandar Alor Setar yang secara tidak langsung telah menjelaskan kualiti produk pelancongan tersebut. Perlaksanaan dan penyediaan komponen yang kurang memuaskan di dalam program tersebut menjadi isu dan cabaran utama terhadap penerimaan produk pelancongan warisan di kalangan pelancong di Bandar Alor Setar.*

**Kata kunci:** Pelancongan warisan, program jejak warisan

### 1. Pengenalan

Pelancongan dan warisan adalah dua perkara yang sering dikaitkan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, warisan akan dapat terus wujud tanpa adanya pelancongan, manakala pelancongan mungkin tidak akan wujud tanpa warisan. Merujuk kepada Kamus Oxford (2008), warisan membawa maksud sesuatu yang akan atau telah diwarisi yang mana akan melibatkan dua pihak iaitu generasi sebelum dan generasi akan datang. Boniface dan Fowler (1993), turut telah menyatakan bahawa pelancongan merupakan antara sektor pembangunan terbaik di muka bumi atau sesuatu kawasan, dan ramuan utama kepada perkembangannya adalah warisan.

Sejajar dengan perkembangan pelancongan warisan ini, maka telah wujud beberapa program pelancongan yang mengetengahkan nilai warisan kepada pelancong. Antaranya adalah program jejak warisan yang merupakan antara program yang semakin popular di Malaysia khususnya di kawasan bandar-bandar warisan seperti Georgetown, Bandaraya Melaka dan Bandaraya Ipoh. Program ini diusahakan sebagai langkah untuk memperlihatkan nilai warisan bandar lama dan menyampaikan informasi sejarah kepada pelancong disamping dapat meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara dan memulihara nilai warisan sejarah bandar tersebut.

Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengkaji kualiti salah satu program jejak warisan yang terdapat di Malaysia iaitu Jejak Warisan Bandar Alor Setar sebagai produk pelancongan di negeri Kedah Darulaman. Penyelidikan ini menilai kualiti berasaskan kepada perlaksanaan program yang melibatkan perancangan dan promosi program. Selain itu, turut dinilai ialah kualiti penyediaan komponen program seperti kemudahan pelancongan, daya tarikan tempat yang tersenarai di dalam program, laluan penjejakan dan sebagainya yang mana kualiti ini dipercayai akan mempengaruhi tahap penerimaan pelancong terhadap program tersebut.

### 2. Kajian Literatur

#### 2.1 Pelancongan warisan

Pelancongan warisan adalah satu aktiviti perjalanan yang bertujuan untuk mendapatkan pengalaman, merasai dan melihat keadaan sebenar sesuatu tempat, artifak dan juga aktiviti sebenar atau asli yang dianggap mempunyai nilai sejarah yang tersendiri yang dapat menggambarkan cerita dan kehidupan manusia pada masa dahulu dan sekarang. Millar (1995) menyatakan bahawa pengalaman mengenai warisan ini adalah berbeza dan unik bagi setiap individu yang melaluinya. Pengalaman itu adalah besar dan luas untuk disampaikan melalui aktiviti pelancongan warisan. Warisan adalah satu pendekatan yang memberikan impak yang besar terhadap pelancongan. Kedua-duanya memerlukan cara pengurusan (Cheung, 1999) dan pemasaran (Bennett, 1995) yang berbeza walaupun ianya saling berkaitan antara satu sama lain. Menurut Poria (2000), terdapat tiga kategori pelancong yang terlibat dalam pelancongan warisan iaitu:

- i. Pelancong yang sekadar melawat tempat.
- ii. Pelancong yang sedar tentang status kawasan yang dilawati.
- iii. Pelancong yang menilai tempat yang dilawati kerana warisan adalah sebahagian daripada kehidupannya.

## 2.2 Jejak warisan

Pada masa kini, kebanyakan badan-badan atau organisasi berminat untuk terlibat secara langsung dengan pembangunan jejak warisan kerana terdapat banyak faedah dari segi pembangunan sosial, fizikal, alam sekitar dan budaya serta ekonomi. (Government of South Australia, 2002). Menurut garis panduan pembentukan jejak warisan yang dibuat oleh Pejabat Warisan, New South Wales (NSW) (1995), jejak warisan itu adalah laluan yang sedia ada yang mana menghubungkan perkara penting yang mempunyai nilai warisan di sekitar kawasan tersebut. Terdapat dua jenis penjejakan di dalam program jejak warisan iaitu:

- i. Pengembalaan secara sendiri
  - a) Dilakukan secara bebas tanpa ada pemandu pelancong.
  - b) Boleh menjelaki program dengan menggunakan pelbagai cara sama ada untuk berjalan kaki, berbasikal, menaiki kereta, keretapi atau feri.
  - c) Lebih murah.
  - d) Kurang formal, di mana penjejakan tidak terikat dengan masa dan ianya lebih santai mengikut kehendak penjejak.
- ii. Pengembalaan yang berpandu
  - a) Kebiasaannya dilakukan secara berjalan kaki atau menaiki bas khas.
  - b) Dikenakan bayaran kerana menggunakan perkhidmatan pemandu pelancong.
  - c) Pengetahuan ilmu pemandu pelancong mengenai tempat menjadi kelebihan dan ia adalah lebih menarik dengan menyampaikan informasi melalui penceritaan kepada penjejak program.
  - d) Sesuai dilakukan kepada mereka yang mempunyai halangan masa.

Secara amnya, tujuan program jejak warisan dilaksanakan adalah untuk:

- i. Meningkatkan kesedaran mengenai nilai warisan setempat dan merangsang kepada aspek pemeliharaan.
- ii. Mempromosikan tempat bersejarah kepada pelancong.
- iii. Pendedahan kepada kepentingan pemeliharaan nilai warisan.

## 3. Program Jejak Warisan Bandar Alor Setar

Bandar Alor Setar mempunyai kesan tinggalan sejarah yang unik, pengaruh dari pemerintahan beraja sekitar tahun 1730-an. Merujuk buku Alor Setar 250 Tahun (1985), menyatakan bahawa terdapat banyak senibina bangunan di Bandar Alor Setar dipengaruhi oleh budaya hidup kesultanan dan pengaruh senibina bangunan Islam, Hindu dan Eropah. Terdapat juga pengaruh dari senibina Aceh, negara yang sangat terkenal pada masa itu. Tidak ketinggalan juga pengaruh senibina dari negara Thai (Siam) hasil perhubungan baik kedua-dua negara pada masa tersebut. Kesemua tinggalan sejarah ini mempunyai nilai kepada sektor pelancongan negeri Kedah pada masa sekarang.

Sehubungan dengan itu, telah diwujudkan satu program pelancongan iaitu '*Alor Setar Heritage Trail*' atau Jejak Warisan Bandar Alor Setar sebagai langkah untuk mengetengahkan nilai warisan di bandar tersebut seterusnya dapat menarik lebih ramai pelancong datang ke Bandar Alor Setar. Terdapat 21 tempat yang telah disenaraikan sebagai tempat yang harus dikunjungi sekiranya melancong di Bandar Alor Setar dalam masa 12 jam perjalanan seperti yang dicadangkan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah (UPEN) di dalam program tersebut.

Rajah 1 menunjukkan poster dan risalah yang menunjukkan kedudukan 21 tempat dan turutan untuk dikunjungi di dalam program tersebut.



Rajah 1: Poster dan risalah mengenai program Jejak Bandar Warisan Bandar Alor Setar. (UPEN, 2010)

Walaupun Bandar Alor Setar adalah ibu negeri Kedah dan mempunyai nilai warisan yang unik, namun didapati bahawa kebanyakan pelancong yang berada di Bandar Alor Setar adalah dikalangan mereka yang menjadikan bandar tersebut sebagai persinggahan sementara untuk ke destinasi utama yang lain seperti Bukit Kayu Hitam, Padang Besar atau Pulau Langkawi (Laporan Teknikal RTD Kota Setar, 2002-2015). Tahap sambutan terhadap program jejak warisan yang diwujudkan juga adalah kurang memberangsangkan berbanding dengan program jejak warisan di bandar warisan lain di Malaysia.

Keadaan ini mempengaruhi kepada penyelidikan yang telah dijalankan iaitu untuk mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh program Jejak Warisan Bandar Alor Setar yang secara tidak langsung telah menjelaskan kualiti produk pelancongan tersebut. Penyelidikan terhadap perancangan dan promosi serta penyediaan komponen yang terdapat di dalam program telah dilakukan untuk melihat keberkesanannya program jejak warisan tersebut dalam mempengaruhi minat pelancong untuk menggunakan dan seterusnya menghargai program jejak warisan tersebut sebagai produk pelancongan warisan yang baik di negeri tersebut.

#### **4. Isu dan Cabaran**

Hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan, telah dikenalpasti beberapa isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh program Jejak Warisan Bandar Alor Setar sebagai produk pelancongan di negeri Kedah Darulaman, yang secara tidak langsung telah menjelaskan kualiti dan tahap penerimaan sebagai produk pelancongan yang berjaya.

##### *4.1 Konsep dan tujuan program*

Hasil daripada temubual yang dijalankan dengan pegawai dari Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah, UPEN, beliau menyatakan bahawa UPEN adalah pihak yang bertanggungjawab di dalam merancang dan melaksanakan program Jejak Warisan Bandar Alor Setar. Tiada garis panduan yang diaplikasikan di dalam pembentukan program. Tujuan utama program diwujudkan adalah untuk memberitahu mengenai destinasi menarik yang terdapat di Bandar Alor Setar untuk dikunjungi oleh pelancong ketika berada di bandar tersebut dan bukan berdasarkan nilai warisan destinasi yang dimiliki. Beberapa destinasi atau pembangunan kawasan baru telah dibangunkan seperti Perkampungan Tradisional Kedah dan Memorial Tunku Abdul Rahman untuk disenaraikan di dalam program sebelum ianya dilancarkan pada bulan Januari 2009.

Keadaan ini adalah tidak selari seperti yang dinyatakan di dalam garis panduan pembentukan jejak warisan oleh Pejabat Warisan, NSW (1995), di mana langkah yang harus dilakukan oleh perlaksana program jejak warisan adalah dengan menyenaraikan tempat-tempat warisan sedia ada di kawasan pembentukan program sebelum membentuk laluan yang sesuai dengan program. Pegawai dari Pejabat Pelancongan Negeri Kedah juga turut menyatakan terdapat sedikit kekeliruan di dalam pemilihan tempat yang tersenarai di dalam program kerana terdapat beberapa tempat yang dianggap tidak mempunyai nilai warisan yang kukuh sebagai contoh Stadium Darulaman dan Muzium Padi untuk menarik minat pelancong menggunakan program.


Selain itu, UPEN juga telah merancangkan penjejakan selama 12 jam bagi melengkapkan keseluruhan penjejakan dengan menaiki kenderaan. Keadaan ini adalah kurang sesuai kerana 12 jam adalah masa yang panjang untuk dilengkapkan dalam satu hari dan sekiranya penjejakan bermula pukul 8 pagi dan ianya akan berakhir jam 8 malam. Pada waktu ini, tempat penjejakan terakhir iaitu Kota Kuala Kedah telah pun ditutup operasinya. Keadaan ini menunjukkan kelemahan dari segi perancangan yang dilakukan oleh pihak UPEN.

Mengikut Debi dan Nicola (2006) antara faktor yang mempengaruhi kesetiaan di dalam penjejakan adalah tarikan pelancong, panel atau pameran, pembacaan tambahan, acara, hubungan tambahan dan aktiviti di laluan. Hasil pengembaraan penyelidik mendapat hanya terdapat 2 faktor sahaja yang disediakan bagi menjamin kesetiaan pengguna program bagi melengkapkan penjejakan iaitu; tarikan pelancong dan penggunaan panel atau pameran. Faktor-faktor yang lain tidak disediakan di dalam program Jejak Warisan Bandar Alor Setar ketika penyelidik melakukan penjejakan. Situasi ini menyebabkan persepsi yang kurang menarik terhadap program dikalangan penjejak dan mereka akan cepat merasa bosan dan seterusnya tidak akan melengkapkan penjejakan.

#### 4.2 Warisan nyata di sekitar Bandar Alor Setar

Hasil pemerhatian awal mengenai destinasi yang tersenarai di dalam program Jejak Warisan Bandar Alor Setar menunjukkan bahawa terdapat destinasi yang tidak sesuai untuk disenaraikan kerana tiada nilai warisan yang kukuh dan kedudukannya yang terlalu jauh untuk dijejaki di dalam satu program. Kenyataan ini disokong oleh pihak Pejabat Pelancongan Negeri Kedah dan pihak UPEN sendiri yang menyatakan tempat-tempat yang terpilih adalah berdasarkan destinasi menarik yang harus dikunjungi di sekitar Bandar Alor Setar oleh pelancong dan bukan kerana memiliki nilai warisan semata-mata. Hasil temubual dengan pihak Muzium Negeri Kedah telah mendapatkan senarai 14 objek yang diwartakan sebagai warisan di sekitar Bandar Alor Setar oleh pihak muzium berdasarkan faktor usia yang melebihi 50 tahun.


Senarai tempat-tempat yang mempunyai nilai warisan yang berkedudukan 2 km dari kawasan Balai Besar dianggap satu kelebihan untuk pelancong bergerak secara berjalan kaki tanpa perlu mengharapkan kemudahan pengangkutan awam (Rajah 2). Mengikut garis panduan pembentukan jejak warisan oleh Pejabat Warisan, NSW (1995), had panjang keseluruhan laluan yang bersesuaian untuk pejalan kaki adalah 2 km - 4 km dan memandu adalah 25 km. Maka, ternyata destinasi sedia ada yang tersenarai di dalam program Jejak Warisan Bandar Warisan Alor Setar adalah berserakan dan berkedudukan jauh antara satu sama lain dan anggaran panjang keseluruhan sememangnya melebihi 25 km. Keadaan ini dipercayai telah mengurangkan minat pelancong mahupun pengunjung untuk mengikuti program tersebut dengan lengkap.



Rajah 2: Peta yang menunjukkan nilai warisan nyata di sekitar Bandar Alor Setar yang berkedudukan 2 km dari kawasan Balai Besar.


#### 4.3 Kualiti promosi program Jejak Warisan Bandar Alor Setar

Kualiti promosi program jejak warisan adalah penting dalam memastikan program diketahui oleh pelancong khususnya untuk menarik minat mereka datang ke Bandar Alor Setar dan seterusnya menggunakan program Jejak Warisan Bandar Alor Setar sebagai produk pelancongan di negeri Kedah. Bagi menarik minat pelancong mahupun pengunjung untuk menggunakan produk pelancongan berdasarkan warisan, adalah perlu terlebih dahulu untuk menyebarkan informasi mengenai status Bandar Alor Setar sebagai salah satu bandar warisan di Malaysia. Walau bagaimanapun, hasil soal selidik yang dijalankan mendapat bahawa hanya 42 orang atau 27% daripada pelancong mengetahui mengenai status Bandar Alor Setar sebagai bandar warisan. Manakala hanya 28 orang atau 61% daripada pengunjung yang merupakan penduduk Bandar Alor Setar sendiri tahu mengenai status bandar tersebut sebagai bandar warisan (Rajah 3). Keadaan ini adalah petunjuk yang kurang memuaskan dari segi kualiti promosi mengenai status Bandar Alor Setar sebagai bandar warisan.



Rajah 3: Pengetahuan pelancong dan pengunjung mengenai status Bandar Alor Setar sebagai bandar warisan.

Menurut pihak UPEN, tiada promosi yang dilakukan melalui media elektronik khususnya di laman sesawang Pusat Pelancongan Negeri mahupun laman sesawang daripada pihak UPEN mengenai program Jejak Warisan Bandar Alor Setar, tetapi mereka dalam usaha untuk mewujudkannya. Hasil soal selidik yang dijalankan mendapati bahawa sebanyak 88% atau 138 orang dikalangan pelancong tidak tahu mengenai wujudnya program tersebut (Rajah 4). Pelancong hanya boleh mengetahui wujudnya program ini sekiranya terlihat poster mengenai program di Pusat Penerangan Pelancongan dan beberapa tempat tumpuan pelancong seperti Muzium Padi dan Muzium Negeri. Mengikut keputusan soal selidik dikalangan pengunjung pula menunjukkan bahawa 46% atau 21 orang telah menyatakan tidak tahu dan 54% atau 25 orang tahu mengenai program Jejak Warisan Bandar Alor Setar. Peratusan yang hampir seimbang ini menunjukkan tahap kesedaran wujudnya program dikalangan pengunjung juga tidak memuaskan.



Rajah 4: Pengetahuan pelancong dan pengunjung mengenai program Jejak Warisan Bandar Alor Setar.

## 5. Kesimpulan

Program Jejak Warisan Bandar Alor Setar adalah sebuah produk pelancongan yang mempunyai tujuan yang baik iaitu untuk menonjolkan keunikan warisan disamping mempromosikan kawasan pembangunan baru untuk tarikan pelancong yang terdapat di sekitar Bandar Alor Setar. Namun begitu, sesuatu yang ingin dilaksanakan perlu melalui proses penyediaan yang betul atau berkualiti agar ianya dapat menghasilkan produk yang juga berkualiti. Melihat kepada keputusan yang diperolehi, terdapat kelemahan dari pihak pengurusan dalam merancang dan mempromosikan program sebagai produk pelancongan warisan di negeri Kedah.

Kualiti perancangan program Jejak Warisan Bandar Alor Setar adalah lemah dari segi pemilihan destinasi, penentuan masa yang perlu diluangkan mahupun perancangan dari segi kemudahsampaian ke destinasi oleh pengguna program. Destinasi yang dipilih perlulah mampunya nilai warisan seperti yang disarankan oleh Pejabat Warisan, NSW (1995). Selain itu, peruntukan masa yang dilihat tidak praktikal telah memungkinkan penjejakan tidak dapat dilaksanakan dengan lengkap kerana masa terlalu panjang dan ia boleh menyebabkan rasa bosan di kalangan pengguna program. Konsep penjejakan secara berkendaraan juga perlu diteliti. Ini kerana perancangan kemudahsampaian dengan penyediaan kemudahan awam seperti bas bandar adalah tidak berjaya kerana perkhidmatan bas bandar tersebut tidak menghubungkan dengan kesemua destinasi yang tersenarai di dalam program Jejak Warisan Bandar Alor Setar.

Sementara itu, bagi menjamin kualiti penjejakan yang menarik, adalah perlu disediakan aktiviti kepada pelancong dan pengunjung agar penjejakan tidak berasa bosan dengan sekadar memperoleh pengalaman dan pengetahuan melalui pembaca dan pemerhatian. Aktiviti yang melibatkan penglibatan pelancong dan pengunjung dapat memberikan pengalaman yang lebih bermakna dan menarik, seterusnya dapat menarik perhatian penjejak untuk menggunakan program yang sama pada masa akan datang.

Selain itu, penyampaian informasi mengenai program sama ada atas tujuan promosi mahupun pemberitahuan mengenai program juga amat penting. Pihak pengurusan perlu mempertingkatkan kualiti dari segi promosi dengan menggunakan kaedah-kaedah terkini sejajar dengan teknologi untuk menarik lebih ramai pelancong menggunakan program. Informasi pelancong juga seharusnya berada di dalam laluan atau menjadi sebahagian destinasi di dalam program jejak warisan yang dibangunkan. Ini kerana, penjejak memerlukan panduan

sekiranya terdapat masalah atau pertanyaan yang timbul terutama kepada mereka yang melakukannya secara bersendirian. Sekiranya kesemua faktor ini dititik beratkan dan diberi perhatian, tidak mustahil program Jejak Warisan Bandar Alor Setar dapat menjadi sebuah produk pelancongan yang berjaya di negeri Kedah mahupun di Malaysia.

### Rujukan

- Alor Setar 250 Tahun, (1990), Kerajaan Negeri Kedah Darulaman. UPCAS Sdn. Bhd.
- Ashworth, G.J. and Tunbridge, J.E., (2000), '*The Tourist-Historic City: Retrospect and Prospect of Managing The Heritage City*'. Oxford, Pergamon.
- Badan Warisan Malaysia, [Online] <http://www.badanwarisan.org.my/> [Dicapai pada Oktober 2009 hingga Februari 2010].
- Bennett, M., (1995), '*Heritage Marketing: The role of Information technology*'. *Journal of Vacation Marketing* 3 pp.272-280.
- Boniface, P., and Fowler, P.J., (1993), '*Heritage and tourism: In the Global Village*'. Routledge, London.
- Brian Garrod and Alan Fyall., (2000), '*Managing Heritage Tourism*'. *Annals of Tourism Research*, 27 (3) pp.682-708.
- Cheung, C.H., (1999), '*The Meaning of Heritage Trail in Hong Kong*'. *Annals of Tourism Research*, 26 (3) pp.570-588.
- Dartington Amenity Research Trust, DART (1978), '*Self-Guided Trails: an appraisal of 46 self-guided trails Cheltenham: Countryside Commission*'.
- Debi Hayes, Nicola MacLeod, (2006) 'Packaging Places: Maximising in Potential of The Heritage Trail by Adopting an Experience Economic Perspectives'.
- Government of South Australia, (2002), 'Recreational Trails Strategy for South Australia: Consultation Draft. [Online] [www.msr.wa.gov.au](http://www.msr.wa.gov.au) [Dicapai pada November 2009].
- Henderson, J.C., (2002) '*Heritage Attraction and Tourism Development in Asia: Comparative Study of Hong Kong And Singapore*'. *International Journal of Tourism Research* 4, pp.337- 344.
- Heritage Office, New South West, NSW (1995), '*Guideline for Heritage Trails*'. Heritage Information Series. [Online] [www.heritage.nsw.gov.au](http://www.heritage.nsw.gov.au) [Dicapai pada November 2009].
- Jabatan Warisan Negara Malaysia, Kementerian Budaya, Kesenian dan Warisan, '*Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan, 2005*'. [Online] <http://www.warisan.gov.my> [Dicapai pada Oktober 2009].
- Kamus Oxford (2008), [Online] <http://www.oxfordadvancedlearnersdictionary.com> [Dicapai pada September 2009 hingga Februari 2010].
- Laporan Teknikal Rancangan Teknikal Daerah (RTD), 2002-2015. Disediakan oleh Majlis Perbandaran Kota Setar.
- Millar, A., (1995), '*Heritage Management for Heritage Tourism*'. *Tourism Management*, 10 (1) pp.9-14.
- Poria, Y., et Al., (2000), '*Challenging the Present approach to heritage Tourism*'. *Tourism Review*, 56 (1) pp.51-53.
- Portal Kerajaan Negeri Kedah. [Online] <http://www.mykedah.org/> [Dicapai pada September 2009].
- Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah. . [Online] [www.visitkedah.com.my](http://www.visitkedah.com.my) [Dicapai pada September 2009]